Mengapa Islam Membenarkan Hamba

a. Ahmād Ṭālib, Jalan Kuala Alor Star bertanya:

Kita tahu agama Islam berperikemanusiaan tetapi mengapakah Islam mengharuskan hamba-hamba?

Jawab: Kalau saudara membaca sejarah sebelum Islam dan sesudah datangnya Islam maka saudara akan mendapati bahawa keadaan masyarakat sebelum Islam itu memperkosa budak-budak belian itu dengan hebatnya - mereka memandang dan melakukan mereka sebagai binatang yang tidak ada harganya.

Apabila Islam datang maka Islam membuat satu pelaksanaan bahawa tiap-tiap hamba (budak belian) itu hendaklah dikawal sebagai mengawal diri sendiri, dikasihi dan disayanginya - diberi pakaian seperti yang kita pakai, dikawal seperti mengawali sahabat dan keluarga sendiri. Islam menggalakkan supaya tiap-tiap orang Islam memerdekakan orang-orang yang menjadi hamba ini supaya masyarakat perhambaan itu hapus. Orang-orang Islam di zaman Nabi dan di zaman sahabat apabila membeli hamba daripada orang-orang musyrik maka mereka dengan seketika itu juga memerdekakan mereka. Perhambaan yang ada itu berlaku pada masa perang dahulu (di zaman Rasulullah dan di zaman sahabat) sedang keadaan itu tidak ada lagi di zaman kita yang telah beribu-ribu tahun di belakang ini.

Kerana bukan pada tempatnya di sini tidaklah diriwayatkan betapa sahabat-sahabat Nabi memuliakan hak-hak hambanya sendiri. Sayyidinā ʿUmar berganti-ganti menaiki kenderaannya dengan hambanya sehingga apabila beliau sampai, di tempat yang dituju kebetulan masa itu Khalifah ʿUmar kena giliran berjalan hamba itu di atas kenderaannya sehingga menjadikan orang-orang hairan melihatnya.

Dengan gambaran yang sedikit ini zahirlah apakah Islam tidak berperikemanusiaan dan apakah Islam tidak berikhtiar dan menggalakkan supaya timbul perasaan berpihak-pihak di antara hamba dengan tuan, atau bekas hamba yang telah dimerdekakan dengan tuannya?

Al-Imām Ghazālī di dalam *al-Iḥyāʾ* mengatakan: "Ada pun memiliki hamba itu maka ia menghendaki beberapa hak dalam pergaulan hari-hari *(muʿāsharah)* yang perlu dipelihara. Penghabisan wasiat yang diwasiatkan oleh Rasulullah (S.A.W) ialah: "Berbaktilah kepada Allah terhadap hamba-hambamu. Berilah kepada mereka makanan yang kamu makan sendiri, dan berilah mereka memakai pakaian-pakaian yang kamu pakai sendiri; selama kamu masih suka kepadanya, peliharalah akan dia. Dan jika kamu telah benci kepadanya jualkanlah kepada orang lain; janganlah kamu menyiksa hamba Allah! Allah telah memberi kamu memilikinya, akan tetapi kalau Tuhan kehendaki, dapatlah diberikannya menjadi milik orang lain."

Dengan ini terang bahawa Tuhan meluluskan adanya hamba tetapi tidak bermakna menjadi hamba (seseorang terletak menjadi hak milik seseorang) orang itu disiksa tetapi hidupnya hendaklah disamakan dengan diri sendiri - dan menjadi sebesar-sebesar pahala bagi seseorang ialah membebaskan hamba-hamba itu menjadi merdeka!

* * *

Talak Tiga Sekali Sebut

Haji Ramli Hayati, Malay Street Bazar, Kuala Lumpur bertanya:

Seseorang telah mentalak akan isterinya dengan perkataan: Aku ceraikan engkau dengan tiga talak atau pun dengan lain perkataan: "*Anti ṭalāqun thulātha*" - apakah hukum